


AGRO BANK SOALAN-SOALAN LAZIM
PROGRAM PEMODENAN VESEL DAN MEKANISASI TANGKAPAN

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Program Permodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan?	Program ini merupakan jalinan kerjasama diantara AGROBANK serta Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi pembangunan industri perikanan pantai dengan menggalakkan penggunaan peralatan mesra alam dan peningkatan mekanisasi peralatan tangkapan vesel di Zon A, Zon B dan Zon C di Seluruh Malaysia.
2	Apakah skop pembiayaan di bawah Program Permodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan?	Menyediakan kemudahan pembiayaan kepada nelayan yang memiliki lesen perikanan Zon A, Zon B, Zon C dan C2 yang berkeinginan untuk menaiktaraf vesel dan mekanisasi tangkapan antaranya adalah seperti berikut; <ul style="list-style-type: none"> • Ganti kulit (sampan/kapal) baru dan/atau bagi tujuan peralihan ke Zon C atau Zon C2. • Penukaran atau pembelian peralatan vessel/tangkapan ikan seperti pembelian enjin, pukat, alat navigasi dan sebagainya.
3	Bagaimakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan naik taraf kapal atau mekanisasi tangkapan kepada DOF melalui Persatuan Nelayan Negeri (PNN) atau mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan (PNK). 2. Bahagian Kejuruteraan/ Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan DOF akan membuat semakan dan cadangan dan seterusnya membentangkan permohonan tersebut kepada Jawatan Kuasa Kerja Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan untuk kelulusan. 3. Jika cadangan diluluskan, Pemohon hendaklah menghantar permohonan melalui aplikasi e-lesen (sekiranya berkaitan). 4. Senarai permohonan yang telah diluluskan akan diserahkan kepada Ibu Pejabat Agrobank bagi permohonan pembiayaan. Senarai ini kemudiannya akan diserahkan kepada cawangan-cawangan Agrobank yang berdekatan dengan Pemohon. 5. Pemohon akan dihubungi oleh pegawai Agrobank bagi melengkapkan proses permohonan pembiayaan.
4	Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah program ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia; • Nelayan berdaftar yang mempunyai lesen perikanan Zon A, Zon B, Zon C dan Zon C2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia; • Berumur antara 18 tahun pada tarikh permohonan sehingga 70 tahun pada tempoh matang pembiayaan; • Tidak diisyiharkan bankrap atau mempunyai tindakan undang-undang yang boleh mengakibatkan kebankropian; • Vesel yang ingin dinaiktaraf adalah vesel asal (yang didaftarkan bagi lesen penangkapan ikan yang dikeluarkan oleh DOF); dan • Mengisyiharkan pendaratan ikan melalui DOF atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM);



SOALAN-SOALAN LAZIM

Program Permodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Bagi Pelanggan yang tidak memenuhi syarat kelayakan umur boleh menghantar permohonan melalui permohonan bersama dengan syarat, pemohon bersama adalah ahli keluarga terdekat dan memenuhi syarat kelayakan umur yang telah ditetapkan serta tidak diisyiharkan bankrap atau mempunyai tindakan undang-undang yang boleh mengakibatkan kebankrapan. • Syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada polisi dan peraturan yang dikeluarkan oleh DOF dari semasa ke semasa.
5	Apakah jenis perniagaan yang layak untuk memohon kemudahan pembiayaan ini?	Bagi perniagaan yang dikendalikan oleh Nelayan berdaftar yang mempunyai lesen perikanan Zon A, Zon B, Zon C dan Zon C2 yang dikeluarkan oleh DOF.
6	Berapakah tempoh pembiayaan di bawah skim Program ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh pembiayaan maksimum adalah sehingga 10 tahun (120 bulan) termasuk tempoh moratorium. • Tempoh moratorium minimum adalah 6 bulan bermula dari tempoh anggaran kapal siap dan tertakluk kepada skop naik taraf yang diluluskan.
7	Berapakah kadar keuntungan dikenakan kepada pelanggan?	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar keuntungan yang dikenakan adalah 3.0% setahun bagi nelayan Zon A dan Zon B. Manakala bagi Nelayan Zon C dan C2, kadar keuntungan yang dikenakan adalah 3.5% setahun. • Kadar keuntungan adalah berdasarkan baki bulanan.
8	Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon?	Jumlah pembiayaan yang boleh dimohon adalah sehingga RM5 juta tertakluk kepada skop pembiayaan dan kelayakan kredit Pelanggan.
9	Berapakah margin pembiayaan ?	Sehingga 100% dari keseluruhan kos (100% dari keseluruhan kos termasuk kos-kos sampingan e.g. takaful, duti setem, yuran verifikasi kapal dan lain-lain (sekiranya ada).
10	Bagaimanakah wang pembiayaan akan disalurkan?	Pengeluaran pembiayaan boleh dilakukan secara sekaligus atau secara berperingkat terus kepada Pelanggan atau Pembekal tertakluk kepada keperluan pembiayaan dan kelulusan Agrobank..
11	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini boleh dilakukan?	<p>Pembayaran pembiayaan boleh dilakukan secara bulanan melalui mana-mana saluran seperti yang berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Arahan tetap (SI); ii. Deposit tunai (CDM); iii. <i>Online transfer (automated teller machine (ATM) atau melalui perbankan internet);</i> iv. Melalui kaunter mana-mana cawangan agrobank.



SOALAN-SOALAN LAZIM

Program Permodernen Vesel dan Mekanisasi Tangkapan

NO.	SOALAN	JAWAPAN
12	Fi dan Caj	<p>Semua fi dan caj yang terkandung di bawah ini adalah ditanggung oleh Pelanggan dan perlu diambil kira di dalam margin pembiayaan Pelanggan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Duti Setem Tertakluk kepada Akta Setem 1949 • Yuran Perundangan Yuran perundangan adalah meliputi yuran perundangan bagi dokumentasi pembiayaan, pemeriksaan kebankrakan dan lain-lain caj yang berkaitan (sekiranya ada). • Takaful Tertakluk kepada jumlah yang dilindungi. • Yuran Verifikasi Kapal (Vessel Verification Fees) Tertakluk kepada harga yang dikeluarkan oleh agensi yang melaksanakan proses verifikasi kapal.
13	Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan?	<p>Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang permohonan kemudahan pembiayaan yang lengkap; • Salinan kad pengenalan pemohon dan pemohon bersama (bagi permohonan bersama); • Bukti kelulusan naik taraf daripada DOF seperti E-Lesen atau lain-lain yang diiktiraf oleh DOF; • ‘General Arrangement (GA) Plan’ yang disahkan oleh DOF (sekiranya berkaitan); • Lesen perikanan yang dikeluarkan oleh DOF; • Penyata Bank bagi 6 bulan yang terkini; dan/atau • Rekod Pendaratan Hasil Ikan atau unjuran pendapatan yang ditetapkan oleh DOF berdasarkan naik taraf kapal; • Invois atau lain-lain dokumen yang boleh membuktikan kos naik taraf; • Laporan verifikasi kapal daripada syarikat pemeriksaan kapal yang bertauliah/diperakui bagi pemantauan pembinaan kapal (jika berkenaan); dan • Lain-lain dokumen yang berkaitan sepertimana diperlukan oleh Agrobank.
14	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan?	<ol style="list-style-type: none"> i. Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476; ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my; iii. Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.